



KERATAN AKHBAR / NEWSPAPER CUTTING

UUM/AA64/SH/26.08.2021/r:17(5-8)

TREPO
ZENANA

Memugar jiwa merdeka

SH 26/08/2021, m/s 17, (5-8) Cetusan



DR MOHAMED ALI HANIFFA

PERSPEKTIF

Kehadiran bulan Ogos dan September dinantikan saban tahun yang sinonim dengan sambutan Bulan Kebangsaan. Pelbagai program dijana, namun pengertian kemerdekaan meniti di bibir harya dalam tempoh hampir 47 hari sebelum menjelang tarikh 16 September.

Sempena menyambut Bulan Kebangsaan, elok rasanya kita mengimbu kembali sejarah tanah bertuah ini yang dihina atas darah dan keringat pejuang-pejuang terdahulu. Barangkali bagi segelintir pihak, peristiwa itu hanya merupakan secebis peristiwa lapuk yang tidak membawa sebarang pengertian. Tamadun Melayu sudah mencerminkan kegemilangan identiti bangsa dari aspek politik dan sosioekonomi. Kepelbagaian budaya masyarakat

Malaysia menjadi tunjang perpaduan dalam sesebuah masyarakat majmuk dan direalisasikan melalui kerjasama serta toleransi.

Justeru, Kesultanan Melayu Melaka menjadi suri teladan dan asas kepada sistem kerajaan moden hari ini sebelum ditumbangkan oleh Portugis pada 24 Ogos 1511. Atas tanggungjawab mahu membina tamadun kononya, British menjajah melalui dasar campur tangan secara rasmi pada 20 Januari 1874, diikuti pendudukan tentera Jepun pada tahun 1941.

Parti Komunis Malaya (PKM) melalui revolusi bersenjata bertindak zalim sehingga Perjanjian Damai Hayai di Thailand pada 2 Disember 1989. Menjelang abad ke-20, kemunculan semangat nasionalisme menjadi semakin dominan dan bersatu di bawah gagasan memperkembangkan survival serta menuntut kemerdekaan.

Kompromi antara kaum merintis ke arah kemerdekaan Tanah Melayu pada detik 31 Ogos 1957 dan Gagasan Malaysia pada 16 September 1963.

Kerapuhan hubungan kaum selepas kemerdekaan diuji dengan peristiwa 13 Mei 1969, namun dipertukarkan melalui

'tiang seri' Rukun Negara pada 31 Ogos 1970. Perpaduan kaum dan integrasi nasional menjadi tunjang kestabilan sosial-politik dan dijana berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Semangat patriotisme dan cinta terhadap negara turut diterjemahkan melalui penghormatan serta sanjungan terhadap institusi Yang di-Pertuan Agong. Peradaban dan pertijah memugar tanah air tercinta perlu disampaikan kepada generasi kini agar patriotisme terus subur.

Penyatuan hati perlu diberikan tumpuan, bak kata peribahasa 'ibar telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua'. Pengembangan tenaga semua warganegara perlu bagi memugar, martabatkan dan memperkasa sambutan Bulan Kebangsaan. Sati kepimpinan negara perlu dirapatkan dalam membina sebuah bangsa Malaysia yang ideal.

Institusi kekeluargaan dan pendidikan merupakan platform awal terbaik bagi menyemai patriotisme. Jadi, sambutan Bulan Kebangsaan bukan sahaja difokuskan terhadap *Key Performance Indeks* tetapi juga hasrat mahu melahirkan generasi patriotik negara. Penerapan minda dan jiwa merdeka dalam mendasari

cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 dan kebiasaan baharu perlu dibuangkan.

Keharmonian hidup bersama pandemik Covid-19 dan budaya *esprit de corps* perlu dibjayai. Kelangsungan survival bangsa Malaysia bergantung kepada keupayaan dan kesanggupan rakyat untuk berkongsi nilai, identiti, serta hala tuju dalam menayakan aspirasi negara. Sejarah membuktikan bahawa pereputan dalam dan keyakinan dengan kebolehan serta kemampuan sendiri sehingga mengakibatkan kesepaduan tekad menyebabkan keruntuhan sebuah Kesultanan Melayu.

Tatkala usia negara menginjak ke angka 64 tahun, terlahut banyak pahit getir yang telah dan sedang dialami. Sempakakah negara tercinta ini menyamai kegemilangan selama 111 tahun se-pertimana Kesultanan Melayu Melaka? Inilah cabaran dan renungan yang harus kita pelajari daripada peristiwa lalu. Salam Hari Kebangsaan 'Malaysia Prihatin' wahai bangsa Malaysia.

* Dr. Mohamed Ali Haniffa ialah Pengerusi Kanan Unit Sejarah dan Kerenangan, Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia